

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan menyemak semula yuran pengajian di IPTA oleh kerana kebanyakan pelajar tidak tinggal di dalam kampus dan menggunakan fasiliti berkaitan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa prihatin terhadap maklum balas daripada para pelajar, ibu bapa dan pihak-pihak berkepentingan supaya yuran-yuran di Universiti Awam dapat dikurangkan dalam membantu meringankan beban kewangan pelajar dan ibu bapa akibat penularan wabak COVID-19. Dalam hal ini, KPT telahpun membuat rundingan dengan pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi pengurangan bebanan kewangan pelajar. Sebagai tanda keprihatinan, Kerajaan telah bersetuju untuk mengurangkan kadar yuran asrama dan yuran aktiviti atau perkhidmatan UA sehingga 15 peratus setelah mengambil kira keupayaan kewangan Kerajaan dan UA.

Pengurangan yuran ini adalah bagi Semester Kedua Sesi Akademik 2019/2020 untuk pelajar warganegara Malaysia dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan atau PKP. Pengurangan yuran ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM72 juta yang mana RM20 juta merupakan peruntukan tambahan Kerajaan dan RM52 juta menggunakan sumber dalaman UA. Seramai 523,318 pelajar UA di seluruh negara mendapat manfaat daripada inisiatif ini.

Pengurangan yuran ini adalah tambahan kepada bantuan-bantuan yang telah diberikan kepada pelajar sebelum ini seperti:

- i. Bantuan secara *one-off* sebanyak RM200 kepada setiap pelajar IPT di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat melibatkan peruntukan sebanyak RM168,292,800 yang memberikan manfaat kepada 841,464 pelajar; dan
- ii. Peruntukan sebanyak RM52,202,412 disalurkan kepada lebih 82 ribu pelajar yang berada di dalam kampus semasa tempoh PKP bagi penyediaan makan minum mereka.

Sekian terima kasih.